

18/05/2003

Rebat beli rumah antara pakej rangsang ekonomi

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka mengumumkan pelbagai langkah menarik dalam pakej rangsangan ekonomi, Rabu ini termasuk memberi rebat cukai bagi pembeli rumah di bawah RM180,000 seunit.

Langkah pemberian rebat cukai yang bertujuan mengurangkan lebihan hartanah kediaman yang mencecah RM7 bilion, Mac lalu diharap dapat menggalakkan pemilikan rumah di kalangan golongan berpendapatan rendah dan sederhana.

Sumber-sumber berkata, pembeli boleh menjangkakan peratusan rebat cukai terhadap bayaran pendahuluan bersamaan dengan 10 peratus nilai hartanah yang dibeli.

Difahamkan, Syarikat Perumahan Negara (SPN), anak syarikat Kementerian Kewangan Yang Diperbadankan turut diberi kebenaran membeli hartanah kediaman untuk disewakan bagi mengurangkan lebihan ini.

Keseluruhannya, hingga Mac lalu hartanah yang tidak terjual bernilai RM27 bilion. SPN bertanggungjawab membuat penilaian semula projek perumahan terbengkalai, melaksanakan projek perumahan mampu milik juga membina kuarters untuk kakitangan kerajaan.

Laporan Hartanah Tidak Terjual yang dikeluarkan Pusat Maklumat Hartanah

Kebangsaan bulan lalu menyatakan, jumlah unit kediaman tidak terjual meningkat 10.1 peratus pada suku kedua 2002, berbanding suku sebelumnya.

Ini menjadikan pertumbuhan sebanyak 5,485 unit daripada 54,265 unit. Daripada keseluruhan 59,750 unit, 38.9 peratus disifatkan sebagai hartanah sukar dijual yang mana tidak terjual melebihi 24 bulan.

"Jawatankuasa Pelaburan Asing juga dijangka mencadangkan bahawa peraturan terhadap rakyat asing membeli hartanah di negara ini dikurangkan," kata sumber itu.

Pada masa ini rakyat asing dibenarkan membeli hartanah bernilai lebih RM250,000 dan melalui pembiayaan tempatan tanpa perlu menubuhkan syarikat dengan ekuiti tempatan.

Dr Mahathir juga dijangka mengumumkan langkah bagi merangsang sektor pelancongan dan perkhidmatan yang mengalami kesan teruk berikutan wabak Sindrom Pernafasan Yang Teruk (SARS).

Industri perhotelan yang menggaji 80,000 pekerja mencatatkan penurunan 32 peratus daripada kadar penginapan sebanyak 61.54 peratus kesan daripada SARS yang melanda rantau Timur Jauh dan Singapura serta pencerobohan ke atas Iraq.

Ini menyebabkan kerugian berjumlah 349,409 sewaan bilik yang bernilai RM82.7 juta, juga termasuk kerugian daripada perniagaan makanan dan minuman serta perniagaan lain.

Langkah lain yang akan turut diumumkan ialah bank menawarkan pinjaman

jangka pendek dengan kadar faedah rendah, dana bantuan yang akan ditubuhkan bagi membantu pengusaha hotel, kadar bayaran elektrik untuk hotel berdasarkan kadar industri dan bukannya komersial, pembiayaan kewangan kerajaan yang lebih mudah bagi tujuan infrastruktur serta dana untuk industri kecil dan sederhana

Sementara itu dalam pertemuan dengan SPN, Pengarah Urusannya, Mohd Zaihan Mohd Zain berkata, golongan berpendapatan rendah yang ingin memohon

pinjaman di bawah program Rumah Mesra Rakyat masih dibenarkan berbuat demikian walaupun mereka tidak mempunyai tanah.

"Mereka yang tertakluk di bawah kategori ini perlu mendapat pengisytiharan status daripada keluarga yang memiliki tanah berkenaan yang

membenarkan mereka mendirikan rumah dan tinggal di situ," katanya dan menambah ini termasuklah ibu bapa, suami isteri atau adik beradik.